

**KEKANGAN DALAM PENDIDIKAN PELAJAR DEWASA:
KAJIAN KE ATAS PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK
DAN VOKASIONAL DI KUITTHO**

ABDUL WAHAB BIN AHMAD

**Laporan Projek Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2002

DEDIKASI

*Istimewa untuk almarhum ibunda tercinta **Mariam Bt Hanapiah** yang sentiasa memberi perangsang dan dorongan sepanjang hayatnya.*

*Tidak lupa kepada ayahanda yang dihormati **Ahmad Bin Hj Mat Daud** yang begitu memahami*

Dan kepada abang, kakak dan adik-adik yang banyak membantu.

Kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan projek ini.

Jazakallah



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah (s.w.t) yang Maha Pengasih, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah (s.a.w). Dipanjatkan juga rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka terhasil juga projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terimakasih kepada **Encik Mohd. Akbal Bin Abdullah** selaku pembimbing bagi projek sarjana ini di atas segala sumbangan yang berupa nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan dalam membantu menyelesaikan projek ini.

Sekalung budi dan penghargaan ditujukan juga kepada **Dr. Hajjah Noraini Bt Kaprawi** selaku penilai projek pada semester II yang telah memberi saranan, cadangan dan nasihat bagi meningkatkan lagi kualiti projek ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada responden yang terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan di KUiTTHO kerana sudi menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Ucapan terima kasih ditujukan juga kepada para pensyarah KUiTTHO yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan projek ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sumbangan idea dan tenaga bagi melancarkan projek ini. Akhir kata, semoga segala bakti yang dicurahkan kalian di berkati dan dirahmati Allah (s.w.t).

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini adalah usaha untuk mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO. Aspek penting yang menjadi kekangan dalam pendidikan pelajar tersebut terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu kekangan institusi, situasi dan psikologi. Selain daripada itu aspek perbezaan yang signifikan di antara min faktor yang menjadi kekangan antara pelajar lelaki dan perempuan turut dikaji. Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang berumur 22 tahun ke atas masih baru menikmati kehidupan bekerja, namun disebabkan keinginan menimba ilmu pengetahuan telah mendorong mereka kembali menuntut ilmu. Hasil dapatan kajian menunjukkan hampir keseluruhan faktor yang dikaji tidak menjadi kekangan dalam pendidikan pelajar dewasa. Selain itu tidak wujud perbezaan pendapat yang ketara terhadap kekangan dalam pendidikan dewasa antara pelajar lelaki dan perempuan. Namun begitu terdapat beberapa dapatan kajian menunjukkan wujud kekangan dalam pendidikan pelajar dewasa. Kekangan tersebut adalah berkaitan dengan kos pengajian dan pembiayaan yang tinggi. Adalah diharapkan pihak yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah tersebut.

ABSTRACT

This research is the afford to identify difficulties or barriers faced by master education student in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). The important aspect of the difficulties has been divided into three main categories; which is institutional, situational and psychological barriers. The different view about barrier factors in adult education between male and female student also analyzed in this research. Some students aged 22 years and above are newly employer in certain industries but the desire to capture more knowledge have brought them back to the university. From analysis, the finding showed that almost of master education student does not faces difficulties in their study. The results also showed that there are no different view between male and female students. However some barriers has been found in adult education. There are increasing of cost of study and small amount of scholarship rewarded to each student. For this purpose, the authorities need to make an afford to overcome this problem.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
------------	----------------	------------------

JUDUL

PENGESAHAN

TAJUK

PENGAKUAN

DEDIKASI

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI LAMPIRAN

i

ii

ii

iv

v

vi

vii

xii

xiii

xiv

BAB 1	PENDAHULUAN	
--------------	--------------------	--

1.1	Pengenalan kajian	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Kerangka Teori	7

1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop Kajian	8
1.9	Definisi Istilah	9

BAB 2 SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Penglibatan Pelajar Dewasa Dalam Pendidikan	13
2.3	Kekangan Pelajar Dewasa	14
2.3.1	Faktor Situasi (<i>Situational Factor</i>)	15
2.3.2	Faktor Institusi (<i>Institutional Factor</i>)	16
2.3.3	Faktor Kecenderungan (<i>Dispositional Factor</i>)	18
2.4	Kajian Berkenaan Dengan Halangan Motivasi	18
2.5	Halangan Untuk Belajar	21

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Kerangka Operasi	24
3.4	Lokasi Kajian	25
3.5	Sampel Kajian	25
3.5.1	Responden	25
3.6	Persembahan Data	26
3.7	Instrumen	27
3.7.1	Borang Soal Selidik	27
3.7.2	Kajian Rintis	28

3.8	Analisis Data	30
3.9	Batasan Kajian	31
3.10	Andaian	32

BAB 4 ANALISIS DAPATAN

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Proses Penganalisan Data	34
4.3	Analisis Maklumat Am Responden	36
4.4	Analisis Faktor-Faktor Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Dewasa	39
4.4.1	Faktor Institusi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	39
4.4.2	Faktor Situasi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	43
4.4.3	Faktor Psikologi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	47
4.5	Analisis Pendapat Umum Berkaitan Cabaran Dalam Pendidikan Dewasa	51
4.5.1	Pendapat Umum Berkaitan Cabaran. Pendidikan Dalam Pendidikan Dewasa	51
4.6	Perbezaan Faktor Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	54
4.6.1	Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Institusi Dalam Pendidikan Dewasa	55
4.6.2	Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Situasi Dalam Pendidikan Dewasa	56

4.6.3	Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Psikologi Dalam Pendidikan Dewasa	57
-------	--	----

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	59
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Faktor Kekangan Institusi Dalam Pendidikan Dewasa	60
5.2.2	Faktor Kekangan Situasi Dalam Pendidikan Dewasa	61
5.2.3	Faktor Kekangan Institusi Dalam Pendidikan Dewasa	63
5.2.4	Perbezaan Faktor Kekangan Yang Dihadapi Pelajar Dewasa Di Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Pendapat	64
5.2.5	Pendapat Umum Tentang Pendidikan Pelajar Dewasa	64
5.3	Rumusan	66
5.4	Cadangan	66
5.5	Penutup	68

RUJUKAN	69
----------------	-----------

LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik	75
Lampiran B	Ujian Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	80
Lampiran C	Analisis Deskriptif Min dan Sisihan Piawai	84
Lampiran D	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian A	86
Lampiran E	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian B	88
Lampiran F	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian C	96
Lampiran G	Ujian T Perbezaan Min Mengikut Jantina	97



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Kadar Penglibatan Pelajar Dewasa di USA	14
3.1	Taburan Sampel Kajian	26
3.2	Taburan Item Bahagian A	29
3.3	Taburan Item Bahagian B	29
3.4	Taburan Item Bahagian C	29
4.1	Analisis Deskriptif Maklumat Am Responden	36
4.2	Analisis Deskriptif Faktor Institusi Dalam Pendidikan Dewasa	39
4.3	Analisis Deskriptif Faktor Situasi Dalam Pendidikan Dewasa	43
4.4	Analisis Deskriptif Faktor Psikologi Dalam Pendidikan Dewasa	47
4.5	Analisis Deskriptif Pendapat Umum Tentang Cabaran Dalam Pendidikan Dewasa	51
4.6	Analisis Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Institusi	55
4.7	Analisis Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Situasi	56
4.8	Analisis Perbezaan Min Antara Responden Lelaki Dan Perempuan Bagi Faktor Kekangan Psikologi	57

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	7
3.1	Kerangka Operasi Kajian	21
4.1	Graf Min Melawan Item Bagi Faktor Institusi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa.	42
4.2	Graf Min Melawan Item Bagi Faktor Situasi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa.	46
4.3	Graf Min Melawan Item Bagi Faktor Psikologi Yang Menjadi Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa.	50
4.4	Graf Min Melawan Item Bagi Pendapat Umum Tentang Cabaran Dalam Pendidikan Dewasa.	53
5.1	Taburan Min Bagi Faktor Kekangan Institusi Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa.	47
5.2	Taburan Min Bagi Faktor Kekangan Situasi Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	48
5.3	Taburan Min Bagi Faktor Kekangan Psikologi Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa	50
5.4	Taburan Min Bagi Pendapat Umum Tentang Pendidikan Pelajar Dewasa	52

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****MUKASURAT**

Lampiran A	Borang Soal Selidik	75
Lampiran B	Ujian Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	80
Lampiran C	Analisis Deskriptif Min dan Sisihan Piawai	84
Lampiran D	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian A	86
Lampiran E	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian B	88
Lampiran F	Analisis Kekerapan Jawapan Bahagian C	95
Lampiran G	Ujian T Perbezaan Min Mengikut Jantina	96



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan kajian

Pendidikan merupakan suatu fenomena penting kepada setiap manusia. Setiap kalangan manusia berusaha mendapat ilmu pengetahuan samaada secara formal atau tidak formal . Sudah menjadi hukum alam bahawa kemajuan pembangunan sesebuah negara banyak bergantung kepada kewujudan para-para intelektual yang dinamik. Perkembangan dan kepesatan sesebuah negara memerlukan tenaga intelektual yang dapat menyerap maklumat-maklumat terkini agar mampu bersaing dengan negara-negara lain. Ini membuka lembaran baru di mana ramai pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian di universiti pada peringkat sarjana muda dan kemudiannya bekerja, kembali semula menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi. Pada satu ketika pelajar dewasa menjadi golongan kedua terbanyak di universiti selepas siswazah peringkat sarjana muda.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah telah membuka peluang kepada beribu-ribu pelajar dewasa untuk kembali menyambung pengajian di peringkat sarjana mahupun doktor falsafah (Cross, 1981). Menurut Domberg dan Winter (1993) dalam melahirkan pelajar tersebut terdapat pelbagai rintangan dan kekangan yang terpaksa dilalui oleh pelajar sebelum mereka menggenggam segulung ijazah lanjutan . Rintangan atau halangan utama yang dihadapi oleh pelajar dewasa ini adalah ketika proses pembelajaran.

Banyak kajian telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terutama Barat mengenai cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dewasa dalam proses pembelajaran. Antara kajian yang tersohor adalah kajian oleh Apps J.W dari University of Wisconsin Madison pada tahun 1975 yang dilaporkan dalam artikel *Study Skills for Adults Returning to School* (1978).

Lazimnya motivasi pelajar dewasa untuk meneruskan pengajian adalah disebabkan faktor berkaitan dengan kerjaya (Aslanian C.B & Brickell H.M, 1980). Sesetengah berpendapat bahawa pendidikan pada ketika usia remaja tidak dapat menyediakan individu sepenuhnya dalam menempuhi cabaran ketika menghadapi kehidupan dewasa. Pendapat ini banyak diterima pakai oleh masyarakat terutama negara-negara yang pesat membangun. Golongan pelajar dewasa telah menjadi golongan majoriti di pusat pengajian tinggi di USA akibat ledakan kemajuan ekonomi yang memerlukan tenaga mahir.

Cross K.P. (1981) pula menyatakan bahawa cabaran dan kekangan pelajar dewasa di klasifikasikan kepada tiga kategori iaitu:

- a) Situasi (*Situational*)
- b) Institusi (*Institutional*)
- c) Kecenderungan (*Dispositional*)

Menurut Brookfield (1986) dalam Malhotra et. al (1995) bahawa cabaran atau kekangan situasi wujud akibat daripada situasi kehidupan individu. Kekangan institusi berlaku apabila wujud amalan dan prosedur yang tidak menggalakkan penglibatan pelajar dewasa dalam aktiviti pembelajaran, ketidaksesuaian jadual atau lokasi pendidikan, yuran yang tidak fleksibel dan tawaran kursus yang tidak sesuai. Kekangan kecenderungan pula merupakan sikap negatif dan persepsi terhadap pelajar yang kembali ke menyambung pengajian. Kebanyakan penyelidik menjalankan kajian cabaran dan kekangan pelajar dewasa secara umum dan hanya di institusi awam yang besar. Oleh itu pusat pengajian samaada kolej, universiti dan pusat pengajian tinggi seharusnya

memandang serius setiap cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dewasa supaya pendidikan menjadi lebih efektif dan menarik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perkembangan jumlah pelajar dewasa menuntut di pusat pengajian tinggi telah memperlihatkan keistimewaan yang wujud di dalam dunia pendidikan. Menurut Synder et. al (1998) dalam Nesler M.S (1999) kebanyakan institusi pengajian memfokuskan pengambilan dan pengekalan pelajar-pelajar remaja di institusi mereka. Namun begitu antara tahun 1985 hingga 1995, bilangan kemasukan pelajar dewasa di pusat pengajian tinggi telah meningkat lebih cepat berbanding kemasukan pelajar remaja.

Walaupun kedudukan pelajar dewasa di pusat pengajian tersebut kurang mendapat perhatian daripada pentadbiran, pendidikan pelajar dewasa tetap mendapat perhatian penyelidik dan penyedia polisi. Lebih tiga dekad lalu, satu suruhanjaya besar telah ditubuhkan untuk menyiasat kedudukan pendidikan pelajar dewasa di Amerika Syarikat (Lehmann & Maehl dalam Nesler M.S ,1999). Gould & Cross dalam Nesler M.S (1999) menyatakan bahawa pada tahun 1970an *Commision on Non-Traditional Study* telah ditubuhkan oleh *Carnegie Corportion* yang bertujuan untuk memeriksa sebarang kemungkinan yang berlaku dan menyediakan cadangan untuk menyelesaikan masalah pelajar dewasa.

Pendidikan ke atas pelajar dewasa bertujuan untuk meningkatkan jatidiri dan potensi individu di samping menyediakan kemahiran baru kepada mereka untuk menceburi bidang pekerjaan semula. Kebanyakan daripada pelajar dewasa yang menyambung pendidikan mempunyai keyakinan yang lebih setelah mendapat latihan lanjutan di pusat pengajian tinggi. Pendidikan dewasa mampu melengkapkan individu dalam pelbagai aspek kehidupan. Pendidikan dewasa terutama individu yang pernah bekerja sebelumnya dapat menyediakan tenaga kerja yang lebih bersifat intelektual dan progresif. Michael R.W. (1991) dalam jurnalnya menyatakan bahawa kejadian rusuhan

.di Winnipeg yang dinamakan *Winnipeg General Strike* adalah kesan daripada tenaga kerja yang tidak mendapat pendidikan dewasa. Latihan dan pendidikan vokasional bagi dewasa seharusnya merupakan aktiviti yang berterusan dan berpanjangan bagi membuka peluang kepada semua golongan yang berkelayakan mencapai profesionalisme dalam kerjaya.

Penyelidikan yang dijalankan menekankan kepada cabaran dan kekangan yang dihadapi pelajar dewasa dalam pendidikan. Kewujudan kepelbagaian suasana dan pengaruh persekitaran dalam kehidupan pelajar dewasa menjadi aset penyumbang kepada permasalahan tersebut. Pelajar dewasa dikatakan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keluarga dan pekerjaan (bagi yang bekerja sambil). Selain daripada itu mereka dibebani oleh tanggungjawab menyempurnakan pengajian yang diikuti dan komitmen-komitmen lain (Carp, Peterson, and Roelfs, 1973).

Kekurangan kemahiran yang diperlukan dalam sektor pekerjaan telah mengalih pandangan pelajar dewasa menyambung semula pengajian mereka. Persaingan dalam mendapat pekerjaan yang memerlukan tenaga kerja yang cekap dan mahir merupakan tanda pembangunan pesat yang berlaku dalam sesebuah negara (Hillage, J., et. al (___)). Peningkatan dalam pengambilan tenaga buruh asing mengambil tempat tenaga mahir dan separuh mahir dalam negara menyebabkan pekerja tempatan terpaksa bersaing mendapat tempat dalam industri. Aslanian dan Brickell (1980) berpendapat individu perlu menyiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan mengenai teknologi moden untuk memajukan diri dan memperolehi kedudukan yang lebih baik dalam industri .

Kepentingan melahirkan tenaga kerja yang mahir juga telah mendorong Malaysia menyediakan pusat pengajian lanjutan kepada pelajar dewasa. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Batu Pahat merupakan salah satu pusat pengajian yang menyediakan pendidikan pelajar dewasa. Penyelidik berpendapat kajian sesuai dijalankan di sini kerana ia merupakan pusat pengeluar pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang juga bakal pesyarah Politeknik. Pelajar-pelajar

sarjana pendidikan di KUiTTHO kebanyakan terdiri daripada pelajar dewasa yang berumur 22 ke atas. Kebanyakan di kalangan mereka pernah bekerja tetapi memilih menyambung pengajian di peringkat Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO kerana sebab-sebab tertentu. Penyelidikan yang dijalankan akan meninjau cabaran dan kekangan yang dihadapi setelah meninggalkan pekerjaan dan komitmen-komitmen mereka terhadap keluarga.

Pengkaji menggunakan pendekatan kajian berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan oleh penyelidik Barat terhadap cabaran-cabaran pelajar dewasa. Permasalahan-permasalahan seperti situasi pembelajaran, cabaran institusi dan psikologi yang di hadapi oleh golongan pelajar sarjana akan dikajikan dalam projek ini. Dapatan yang diperolehi kelak akan membantu meningkatkan kelicinan dan keberkesanan pendidikan yang dijalankan ke atas pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesediaan pelajar dewasa untuk menyambung semula pengajian setelah menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda amat mengkagumkan kerana kebanyakan mereka pernah bekerja dan berjawatan tetap. Penyelidik cuba untuk mendapatkan maklumat tentang cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) setelah mereka mengambil keputusan menyambung pengajian di peringkat sarjana pendidikan.

Pengkaji akan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sarjana pendidikan di dalam bentuk kekangan institusi, situasi dan psikologi. Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO yang berumur 22 tahun ke atas masih baru menikmati kehidupan bekerja, namun disebabkan keinginan menimba ilmu pengetahuan telah mendorong mereka kembali menuntut ilmu. Walaubagaimanapun

tinjauan yang akan dijalankan bukan sekadar untuk melihat persoalan masalah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sahaja tetapi merangkumi tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

1.4 Soalan Kajian

Dalam kajian ini penyelidik akan membuat tinjauan terhadap beberapa persoalan kajian yang perlu dijalankan ke atas pelajar sarjana pendidikan. Antara persoalan yang ingin diselidiki penyelidik adalah:


- i. Apakah faktor-faktor institusi yang menjadi kekangan kepada pelajar sarjana pendidikan di KUiTTHO?
- ii. Apakah faktor-faktor situasi yang menjadi kekangan kepada pelajar sarjana pendidikan di KUiTTHO?
- iii. Apakah faktor-faktor psikologi yang menjadi kekangan kepada pelajar sarjana pendidikan di KUiTTHO?
- iv. Apakah wujud perbezaan faktor-faktor tersebut mengikut jantina?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara khususnya adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengenalpasti faktor-faktor institusi yang menjadi kekangan kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO.
- (ii) Untuk mengenalpasti faktor-faktor situasi yang menjadi kekangan kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO.
- (iii) Untuk mengenalpasti faktor-faktor psikologi yang menjadi kekangan kepada pelajar dewasa Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO.
- (iv) Untuk menentukan sama ada wujudnya perbezaan faktor mengikut jantina.

1.6 Kerangka Teori



Sumber: Cross K.P. (1981) dalam *Adult As Learners: Increasing Participation and Facilitating Learning*

Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap melalui kajian ini ia dapat membantu pihak tertentu terutama pengelola Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO. Selain daripada melalui dapatan kajian ia dapat membantu pihak-pihak berkenaan memikirkan hala tuju dan peranan masing-masing dalam usaha memartabatkan mutu pendidikan di negara kita. Secara kasarnya, kajian ini membolehkan setiap pengkaji mengetahui faktor-faktor yang menjadi kekangan dan cabaran kepada pelajar sarjana pendidikan.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menyalurkan maklumat yang diperolehi daripada responden, iaitu pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO kepada pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, universiti-universiti, kolej universiti, politeknik dan pensyarah di pusat pengajian tinggi supaya memberikan perhatian yang khusus seperti mana perhatian yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar di peringkat ijazah pertama.

Dapatan daripada kajian faktor-faktor cabaran situasi, institusi dan psikologi yang dihadapi Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO diharap dapat memberikan sumbangan dalam membantu pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan terutama di KUiTTHO memperolehi manfaat yang maksimum sepanjang tempoh pengajian di KUiTTHO.

1.8 Skop Kajian

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah dikenali sebagai satu-satunya pusat pengajian tinggi yang mengeluarkan pelajar Sarjana Pendidikan dalam kuantiti yang ramai. Selain daripada itu juga dikenali sebagai pembekal tenaga pengajar kepada Politeknik-politeknik di Malaysia. Program Sarjana Pendidikan Teknik

dan Vokasional di KUiTTHO melibatkan pelajar-pelajar dewasa yang berumur dalam lingkungan 22 tahun ke atas.

Oleh itu skop kajian ini lebih tertumpu kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO. Penyelidik berpendapatan pemungutan data diperolehi di KUiTTHO lebih bersesuaian memandangkan data lebih mudah dipungut dan efisien. Selain daripada itu penyelidik menggunakan kaedah statistik dalam membuat membuat analisa dapatan. Hasil dapatan kajian tersebut sesuai diaplikasikan oleh universiti, kolej dan politeknik di seluruh negara.

1.9 Definisi Istilah

Tajuk kajian yang hendak dijalankan penyelidik adalah “Kekangan Dalam Pendidikan Pelajar Dewasa: Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO.”

Definisi dan istilah perkataan memainkan peranan dalam menerangkan maksud sesuatu perkataan itu. Ini bertujuan memberikan pemusatan yang lebih kepada sesuatu tajuk yang hendak dibincangkan. Berdasarkan tajuk kajian yang hendak dijalankan, definisi-definisi berkaitan konteks kajian diterangkan di bawah:

(i) Kekangan

Kekangan merupakan satu istilah yang menggambarkan masalah-masalah atau halangan yang dihadapi oleh seseorang dan memerlukan pertolongan untuk menyelesaikannya. Evan (1987) mengandaikan halangan tersebut seperti sebuah beg atau *baggage*. Beg tersebut kadangkala diisikan dengan benda-benda yang berat dan kadangkala diisikan dengan benda yang ringan. Isi yang berat diertikan sebagai masalah

besar seperti kewangan, keluarga dan pekerjaan. Manakala isi ringan menggambarkan individu yang bebas daripada kekangan tersebut disebabkan mempunyai keyakinan diri (*self-esteem*) dan semangat yang tinggi.

Cross K.P (1981) telah mengklasifikasikan halangan pendidikan pelajar dewasa kepada tiga jenis iaitu halangan situasi, halangan institusi dan halangan kecenderungan atau psikologi.

(ii) Pendidikan

Pendidikan merupakan suatu proses pembelajaran sepanjang hayat yang terancang dan tersusun. Harold Wiltshire dalam Roger (1986) menyatakan pendidikan:

"...planned processes of learning undertaken by intent, the sort of thing commonly (through not by any means always) goes on in classrooms and that involves some who are teachers and some who are taught...."

UNESCO telah mentakrifkan pendidikan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang dibentuk secara tersusun dan rapi bagi tujuan perhubungan yang menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman tentang nilai-nilai dalam aktiviti kehidupan (Jarvis, 1990).

Darkenwald dan Merriam (1982) telah menyatakan definisi pendidikan dewasa yang digunakan di seluruh dunia sebagai:

"Adult education is a process whereby persons whose major social roles are characteristic of adult status undertake systematic and sustained learning activities for the purpose of bringing about changes in knowledge, attitudes, values and skills. " (ms 9)

(iii) Pelajar

Dalam Kamus Dewan (1997) mendefinisikan pelajar sarjana sebagai orang bijak pandai, cendiakawan dan berilmu pengetahuan atau gelaran orang yang telah melengkapinya dengan pelajaran di universiti.

(iv) Dewasa

Perkataan dewasa merujuk kepada kitaran hidup manusia yang bermula daripada peringkat kanak-kanak, kemudian meningkat kepada remaja dan seterusnya peringkat dewasa. Kebiasaannya orang dewasa merujuk kepada peringkat umur seseorang individu dan komitmen mereka kepada masyarakat. UNESCO (1976) menyatakan individu dikategorikan dewasa apabila masyarakat secara umumnya menganggap individu tersebut orang dewasa.

Menurut Kamus Dewan (1997) mendefinisikan dewasa sebagai sudah akil baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas dan sudah cukup besar. Selain itu dewasa juga ditakrifkan sebagai keadaan sudah banyak pengalaman dan pengetahuan.

Definisi pelajar dewasa yang dikemukakan oleh penyelidik bercampur aduk. Sesetengah mengatakan usia dewasa bermula pada umur 17 tahun tetapi terdapat yang mengemukakan usia pelajar dewasa pada usia 20 tahun (McGivney, V., 1990).

Rujukan

- Apps, J.W. (1975). "Returning To College Study, Barriers for Adults Learning."
New York: Mc Graw Hill.
- Aslanian, C.B. and Brickell, H.M. (1980). "Americans In Transition: Life Change As
Reasons For Adults Learning. New York: Further Direction For A Learning
Society, College Board." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult
Participation in Undergraduate Education." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World
Wide Web.
- Beder, H. dan Valentine, T. (1987). "Iowa's Adult Basic Education Students:
Descriptive Profiles Base On Motivations, Cognitive Ability, and Socio-
Demographic Status Variables." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adults
Participation in Undergraduate Education." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World
Wide Web.
- Brookfield, S. (1986). "Understanding and Facilitating Adult Learning." dlm Malhotra
et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Education." disadur
pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Boaz, R.L. (1978). "Participation in Adult Education, Final Report 1975." Washington
D.C: National Center for Education Statistics.
- Burgess, P. (1971). "Reasons For Adult Participation in Group Education Activities."
dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate
Educations." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.

- Carp, A., Peterson, R. and Roelfs, P. (1974). "Adults Learning Interest and Experiences." dlm Cross, K.P. (1981). "Adults As Learners: Increasing Participation and Facilitating Learning." San Francisco: Jossey-Bass.
- Commission on Nontraditional Study (1973). "Diversity by Design." San Francisco: Jossey-Bass.
- Cross, K.P. (1980). "Our Changing Students and Their Impact on Colleges: Prospects for a True Learning Society." Phi Delta Kappan, 630-632 dlm Benshoff, J.M and Lewis, H.A. (1992). "Nontraditional College Students." disadur pada 16th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Cross, K.P. (1981). "Adults As Learners: Increasing Participation and Facilitating Learning." San Francisco: Jose-Bass Publishers.
- Courtney, S. (1981). "The Factors Affecting Participation in Adult Education: An Analysis of Some Literature." US: The Open University.
- Dalen. (1979). "Education Research." New York: Alfred A Knopf.
- Darkenwald, G. And Merriam, S. (1982). "Adult Education: Foundations of Practice." New York: Harper and Row.
- Darkenwald, G. and Valentine, T. (1985). "Factor Structure of Deterrents to Public Participation in Adult Education." Adult Education Quarterly, 177-193 dlm Nesler M.S (1999)). " Lifelong Learning and Adult Education: Participation, Learning, Motivations and Policy Implications." disadur pada 14th Jan 2002 dlm World Wide Web.

- Dearden, R. (1984). "Education and Training." Westminster Studies in Education dlm Malcol, T (2000). "Key Concepts in Adult Education and Training." London and New York: Routledge.
- Domberg, S. dan Winter, S. (1993). "Learning Styles and Needs of Adults Learner." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Evan. D, (1987) "Why Adults Learn in Different Ways." dalam Slotnick et. al (1993) "Adult Learners On Campus." London: The Palmer Press.
- Gallay, R. and Hunter, R.V. (1981). "Why Adults are Pursuing a Part-Time College Education." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Gould, S. and Cross, K.P. (1972). "Exploration in Non-Traditional Study." dlm Nesler, M.S. (1999). "Lifelong Learning and Adult Education: Participation, Learning, Motivations and Policy Implications." disadur pada 14th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Hengstler, D.D., Haas, W.H., dan Iovacchini (1984). "Andragogy in Public University: Understanding Adult Education Needs in 1980's." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Hillage, J. et. al (____) "Adult Learning in England: A Review." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Houle, C.O. (1961). "The Inquiring Mind (rev. edit)." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." Disadur pada 10th Jan 2002 on World Wide Web.

- Jarvis, P. (1990). "An International Dictionary of Adult and Continuing Education." London: Routledge.
- Johnstone, J. and Rivera, R. (1965). "Volunteers for Study: A Study of the Educational Pursuits of American Adults." dlm Norland E.V.T (____). "Why Adults Participate." disadur pada 15th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size for Research Educational and Psychological Measurement." New York: Mc Graw Hill.
- Landell, K. (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Sons Inc.
- Lehmann, T. and Maehl, W. (1995). "Putting Lifelong Learners First: Learn From The Past, Educate For The Future." dlm Nesler, M.S. (1999) "Lifelong Learning and Adult Education: Participation, Learning, Motivations and Policy Implications." disadur pada 14th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Malcolm, T. (2000). "Key Concept in Adult Education and Training." Routledge: London and New York.
- McGivney, V. (1990). "Participation and Non-Participation: A Riview of The Literature." dlm Edwards, R., Sieminski, S. and Zeldin, D. (1993). "Adult Learners, Education and Training." London and New York: Chapman and Hall Inc.
- Mc Millan J.H. (1996). "Educational Research: Fundamentals for the Costumer (2nd Ed)." New York: Harper Collins.

- Michael, R. W. (1991). "Dangerous Knowledge: Canadian Workers' Education in The Decades of Discord." Vol. 25, no. 1 dlm Edwards, R., Sieminski, S. and Zeldin, D. (1993). "Adult Learners, Education and Training." London and New York: Chapman and Hall Inc.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1991). "Metodologi Penyelidikan: Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan (Edisi Kedua)." Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur: Ventore Published.
- NCES (1990). "Enrollment Patterns in Adult Education." dlm Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." disadur pada 10th Jan 2002 dlm World Wide Web.
- Ruyle, J. dan Geiselman, L.A. (1974). "Non-traditional Opportunities and Programs." dlm Cross, K.P. (1981). "Adults As Learners: Increasing Participation and Facilitating Learning." San Francisco: Jossey-Bass.
- Scanlan, C. (1984). "Identifying Deterrents to Participation in Continuing Education." dalam Malhotra et.al (1995). "Barriers to Adult Participation in Undergraduate Educations." Disadur pada 10th Jan 2002 on World Wide Web.

Snyder, T.D., Hoffman, C.M. and Geddes, C.M. (1998). "Digest of Education Statistics 1997." dlm Nesler, M.S. (1999). " Lifelong Learning and Adult Education: Participation, Learning, Motivations and Policy Implications." disadur pada 14th Jan 2002 dlm World Wide Web.

Tuckman, B W. (1978). "Conducting Educational Research (2nd Ed)". San Diego: Harcourt Bruce Jovanovich College Publisher.

Wiersma, W. (1995) "Research Methods in Education (6th Ed) ." Boston: Allyn & Bacon

Ziegler, W L. (1977) "The Future of Adults Education and Learning in the United States " N.Y. Educational Policy Research Center dalam Cross, K.P. (1981). "Adults As Learners: Increasing Participation and Facilitating Learning." San Francisco: Jossey-Bass



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH